

LEBIH 70 RIBU PELAJAR ASING MENUNTUT DI M'SIA

NST 09-10-2012 / 1

OLEH BALQIS JAMALUDIN
balqis@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Seramai 70,509 pelajar antarabangsa dari lebih 150 negara menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) di Malaysia sepanjang tahun lepas (2011).

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Dr Hou Kok Chung, daripada jumlah berkenaan, seramai 25,263 pelajar menuntut di IPTA manakala seramai 45,246 pelajar di IPTS.

"Lima buah negara yang mempunyai bilangan pelajar antarabangsa tertinggi dalam IPTA ialah Iran iaitu seramai 5,948; Indonesia 3,763; China 2,122; Yemen 1,839; dan Iraq seramai 1,329 orang," katanya di sidang media sempena lawatan beliau ke Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, kelmarin.

Manakala di IPTS pula katanya, seramai 5,272 dari China; Indonesia 4,806; Nigeria 4,684; Iran 3,940 dan dari Yemen pula seramai 1,713 orang.

Daripada jumlah tersebut katanya, Kerajaan masih lagi membuka ruang untuk menambah lebih ramai pelajar antarabangsa di negara ini memandangkan setiap IPTA diarah untuk menerima kemasukan pelajar antarabangsa bagi program ijazah sebanyak 5 peratus dan tiada limit yang diperuntukkan untuk program lepasan ijazah.

Hal ini kerana Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menggalakkan IPTA dan IPTS supaya menambah lebih ramai pengambilan pelajar antarabangsa dalam usaha membantu Kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi yang bertaraf global.

"Malaysia kini telah dilihat sebagai antara destinasi pilihan bagi pelajar luar menuntut di sini kerana kos sara hidup yang jauh lebih rendah berbanding negara-negara lain dan

suasana pembelajaran di sini yang lebih kondusif," katanya sambil menyatakan kebanyakan pelajar yang datang ke negara ini mengambil kursus Perniagaan, Pelancongan dan Sains Komputer.

Sementara itu, Hou turut menyatakan bahawa Sabah juga antara yang menjadi pilihan untuk menyambung pelajaran oleh pelajar antarabangsa sama ada secara sepenuh masa ataupun melalui program kursus Bahasa Inggeris secara singkat.

Katanya, UMS mempunyai hampir 600 orang pelajar antarabangsa yang datang dari Brunei, China, Turki, Tanzania, Myanmar, Korea, Jepun, Filipina, Vietnam, Greece dan Kenya.

"Dari jumlah berkenaan, seramai 496 orang pelajar dari China, 24 dari Brunei, 13 dari Tanzania, 10 dari Turki dan 3 dari Myanmar," katanya.

"Namun, masih ada ruang bagi UMS untuk menambah bilangan pelajar itu," katanya.

Sementara itu, sehingga 31 Ogos lalu, terdapat 506 IPTS di Malaysia secara keseluruhannya dan daripada jumlah berkenaan, sebanyak 445 IPTS bertaraf kolej, 34 bertaraf Universiti, 21 bertaraf Universiti Kolej, dan 6 IPTS bertaraf Kampus Cawangan Luar Negara.

"Manakala 25 IPTS daripada jumlah berkenaan adalah di Sabah," katanya.

Daripada jumlah di atas juga, sebanyak 169 IPTS mempunyai kebenaran untuk mengambil pelajar antarabangsa manakala 7 IPTS telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa di atas pelbagai kesalahan pengurusan pelajar antarabangsa setakat Julai lalu.

Lawatan Hou pada kali ini adalah khusus untuk mengalu-alukan para pelajar daripada negara China yang telah memilih untuk belajar di UMS dan Malaysia secara umumnya.



CENDERA HATI ... Hou (kiri) menerima cendera kenangan daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Dr. Shariff Abd Kadir.